

U 8745 DEB
MAHATHIR
(I)

KUALA LUMPUR, 29 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SISTEM BURSA KOMODITI MERUPAKAN BAHAGIAN PENTING DALAM PASARAN EKONOMI MODEN DAN BUKAN SEBUAH +KASINO+ UNTUK CEPAT MENJADI KAYA.

IA MERUPAKAN SATU PEKERJAAN SERIUS YANG MEMERLUKAN TANGGUNGJAWAB DAN ETIKA; KATANYA KETIKA MERASMIKAN HALAMAN BARU BURSA KOMODITI KUALA LUMPUR (KLCE) DI BLOK PODIUM, KOMPLEKS DAYABUMI DI SINI.

PERDANA MENTERI JUGA MELANCARKAN PASARAN MASA DEPAN GETAH DAN MINYAK SAWIT DI BAWAH PERATURAN DAGANGAN YANG DIKAJI SEMULA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BURSA SEPERTI KLCE PADA HAKIKATNYA TIDAK MEMPERDAGANGKAN BARANGAN TETAPI +INTEGRITI DAN KEYAKINAN.+

BELIAU MENYIFATKAN INTERGRITI SEBAGAI KOMODITI PENTING DALAM BURSA DAN +MODAL TERBESAR+ DALAM PASARAN SEUMPAMA ITU.

OLEH ITU; PARA PESERTA PERLU DIPERIKSA DENGAN TELITI DAN MEREKA HENDAKLAH MERUPAKAN KALANGAN YANG MEMPUNYAI KEDUDUKAN DAN REPUTASI.
-- LAGI.

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SPEKULASI BERLEBIHAN DAN PEMCAHAN AMANAH JUGA MESTI DIATASI DENGAN TEGAS, ADIL DAN SEGERA.

+KITA BOLEH MENGADAKAN UNDANG-UNDANG, PERATURAN, SURUHANJAYA DAN MAJLIS UNTUK MENENTUKAN PERJALANANNYA. TETAPI IA TIDAK AKAN BERGUNA JIKA SESEORANG PEDAGANG ITU BERHASRAT UNTUK MENIPU,+ KATANYA.

MENURUT BELIAU, TERDAPAT BANYAK PELUANG DAN KELONGGARAN YANG BOLEH DIGUNAKAN OLEH MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ITU.

BELIAU BERKATA FUNGSI BERKESAN BURSA DAN PUSAT PENJELASAN ADALAH KRITIKAL UNTUK KEJAYAAN PASARAN PADA MASA DEPAN.

OLEH KERANA KEDUA-DUA INSTITUSI ITU BERHUBUNGKAIT DALAM OPERASI HARIAN MEREKA, SATU HUBUNGAN KOMUNIKASI YANG BERKESAN PERLU DIWUJUDKAN UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA BERTINDAK SEGERA KE ATAS PERKARA-PERKARA YANG MUNGKIN MENJEJASKAN INTEGRITI PASARAN ITU. -- LAGI.

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATUK PAUL LEONG BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MEMASTIKAN KEPERLUAN MASAKINI DAN HADAPAN INDUSTRI ITU.

BELIAU YAKIN DENGAN PENGUKUHAN BURSA ITU DAN KERJASAMA RAPAT ANTARA KERAJAAN, INDUSTRI ITU, KLCE DAN PUSAT PENJELASAN BARU ITU. PERBADANAN PENJELASAN PASARAN MASA DEPAN MALAYSIA (MFCC) AKAN DAPAT BERFUNGSI DENGAN BERKESAN DAN BERJAYA. -- BERNAMA.

1507MST 29 10 85